

LATIHAN CERPEN

LEGASI TAPAI UBI (GHAZALI LATEH)

Sinopsis

Sejak kecil lagi _____ membantu emak dan bapanya menjual tapai ubi. Sebut sahaja 'tapai ubi Wak Salikon' semua orang sudah tahu dan nama Parjo sudah sehati dengan makanan tersebut sehinggakan rakan-rakan sekolah menggelarnya '_____'. Proses membuat tapai ubi agak rumit, kerana banyak pantang larang yang perlu dipatuhi, antaranya adalah tidak boleh memberitahu orang semasa membuat tapai, elakkan daripada terkena _____ atau minyak dan tidak boleh membuat bising kerana dikhuatiri tapai tidak menjadi.

Dengan hasil jualan tapai ubi itulah Parjo dan adik-adiknya berjaya sehingga ke _____. Setelah tamat belajar di matrikulasi selama _____ tahun, Parjo berjaya melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan. Profesor Haidar telah memberi tugas kepada Parjo untuk membuat kajian bagi membuktikan tapai ubi dapat membantu mengurangkan serangan kanser. Kajian telah dilakukan dengan teliti dan akhirnya dia mendapati tapai ubi dapat menghasilkan _____ yang sangat bermanfaat kepada manusia, iaitu menghalang pertumbuhan sel-sel kanser. Hasil kajian Parjo telah mendapat pengiktirafan daripada pihak universiti sehinggalah dibawa pada peringkat _____.

Parjo telah membawa emak dan bapanya pada majlis _____. Kajian bertajuk "Tapai Ubi Sebagai Agen Penghalang Kanser" telah berjaya mengiktirafnya sebagai Dr. Parjo. Bagi Dr. Parjo, kejayaan itu ialah hasil inspirasi emak dan bapanya membuat tapai ubi. Akhirnya, kilang Perusahaan Tapai Ubi Wak Salikon telah didirikan di kampung Dr. Parjo kerana permintaan yang semakin meningkat. Dr. Parjo menjadi pensyarah _____ dan meneruskan kajian tentang potensi tapai ubi sebagai pencegah alternatif kepada berbagai-bagai jenis penyakit dengan tumpuan terhadap penyakit _____.